

KATA BERSINONIM DALAM BAHASA MELAYU: SATU PENELITIAN¹

S. Nathesan

Abstrak

Sejak diangkat menjadi bahasa kebangsaan negara kita, bahasa Melayu telah mengalami perkembangan yang rancak dari segi kosa kata, struktur, nahu, dan seumpamanya. Pengguna bahasa Melayu semakin hari semakin meningkat. Hal ini berlaku kerana kini bahasa Melayu bukan sahaja dituturkan oleh penutur natif, malah oleh pengguna bukan jati bahasa Melayu, seperti orang Cina, India, Iban, Kadazan, dan lain-lain lagi. Dalam kerancangan penggunaan bahasa Melayu ini, timbul persoalan pengguna yang tidak menggunakan bahasa Melayu dengan tepat. Sudah banyak dibincangkan atau dibahasakan tentang kesalahan bahasa dalam pelbagai buku, artikel, forum, kertas kerja, ceramah, seminar, dan kolokium, tetapi persoalan kesalahan bahasa dari aspek makna kelihatan kurang diberikan tumpuan. Justeru makalah ini akan memberikan fokus terhadap aspek kesalahan tersebut.

Abstract

Since the picking of the Malay language as the national language of our nation, it has gone through rigorous developments, from its vocabulary, structure, grammar, and the like. Day by day the users of the language have increased tremendously. This is because now the users are not only the native users but also other non-native speakers like the Chinese, Indians, Iban, Kadazan, and others. In this kind of the situation, the issue of wrong usage of the language has become a pre-

1 Disesuaikan daripada kertas kerja yang dibentangkan dalam Ceramah Bahasa, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, di Sekolah Tinggi Sabah Chinese, Tawau, Sabah pada 15 September 2005.

dominant problem. Although this issue has been discussed in many books, articles, forums, papers, talks, seminars, and colloquiums, but the issue of wrong usage is still rampant among the users of the language. Although users make all kind of errors, but this study focuses on the issue of wrong usage from the semantic point of view.

PENDAHULUAN

Umumnya kesalahan bahasa dapat dibahagikan kepada kesalahan ejaan dan frasa, kesalahan sintaksis (ayat), kesalahan morfologi (perkataan), dan kesalahan semantik (makna). Sudah banyak dibincangkan atau dibahaskan dalam pelbagai buku, artikel, forum, kertas kerja, ceramah, seminar, dan kolokium, dan persoalan kesalahan ejaan, ayat dan perkataan sudah dikupas secara panjang lebar. Namun demikian persoalan kesalahan makna kelihatan kurang diberikan tumpuan. Oleh yang demikian, artikel ini akan cuba meneliti aspek kesalahan bahasa dari segi makna. Khususnya, kajian ini cuba meneliti kesalahan yang timbul akibat menggunakan perkataan yang dikatakan bersinonim dalam bahasa Melayu.

Definisi Konsep

Sebelum berbicara lebih lanjut, elok beberapa kata dan frasa yang bersangkutan paut dengan tajuk perbincangan difahami dahulu. Pertama ialah konsep sinonim. Sinonim merupakan salah satu persoalan bahasa yang amat menarik dalam bahasa.

Sinonim

Umumnya, kata sinonim yang berasal daripada bahasa Yunani difahami sebagai perkataan atau frasa yang mempunyai erti atau makna yang sama. Menurut *Encyclopedia of the English Language* (1995), sinonim ialah leksem yang mempunyai makna yang sama. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna bahawa semua kata itu memiliki makna yang sama, iaitu ada unsur saling bertukar ganti dalam semua konteks.

Kata Bersinonim

Kata bersinonim ialah kata yang mempunyai erti atau makna yang sama atau hampir sama dengan kata lain. Misalnya, kata *cantik* dikatakan bersinonim dengan kata *lawat*, *comel*, *indah*, *kacak*, *mongel*, *laksemi*, dan

anggun. Sebenarnya, dalam *Tesaurus Bahasa Melayu* (1990) ada disenaraikan 26 perkataan sebagai yang bersinonim dengan kata *cantik*.

Oleh sebab wujud gejala sinonim dalam bahasa Melayu, maka ramai dalam kalangan pengguna bahasa Melayu memilih perkataan yang tidak tepat ketika menulis atau bercakap. Pada hemat penulis, hal ini berlaku kerana pengguna agak keliru dalam hal sinonim. Walaupun kata bersinonim dikatakan mempunyai makna yang sama, namun adakah semua kata boleh ditukar ganti dalam ujaran atau tulisan secara sewenang-wenangnya? Tentunya sukar untuk berbuat demikian kerana ada komponen makna pada satu perkataan yang tidak terdapat dalam kata lain. Misalnya, kata *boleh* dan *dapat* dikatakan bersinonim. Adakah kedua-dua kata ini boleh digunakan secara bertukar ganti dalam ayat seperti yang berikut? Bolehkah kata *dapat* digunakan dalam ayat “Ibu *boleh* rehat kalau penat” menjadi “Ibu *dapat* rehat kalau penat”?

Dalam artikel ini, persoalan penggunaan sinonim dalam bahasa Melayu akan diteliti. Oleh sebab pengguna sering membuat kesalahan yang melibatkan empat golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas, maka penggunaan empat golongan kata ini akan dibincangkan.

PERBINCANGAN

Pembicaraan akan bermula dengan meneliti golongan kata yang pertama, iaitu golongan kata nama.

Persoalan Penggunaan Kata Nama

Kata nama ialah kata yang memerihalkan nama orang, benda, tempat dan sebagainya. Mula-mula diteliti penggunaan kata nama *kita* dan *kami*. Kedua-dua kata ini merupakan kata ganti diri pertama yang amat lumrah digunakan oleh pengguna bahasa Melayu. Oleh sebab kekeliruan tentang makna kedua-dua kata ini, maka timbul beberapa kesalahan pemilihan kata antara dua perkataan ini. Perhatikan dua contoh pemakaian kedua-dua kata ini di bawah:

1. Rakyat Malaysia harus berusaha ke arah perpaduan kaum. *Kita* harus berusaha ke arah perpaduan kaum.
2. Saya dan Ismail akan bertolak ke Tawau esok. *Kami* akan singgah di Sandakan dalam perjalanan.

Dalam contoh tersebut, *kita* tidak boleh ditukar ganti dengan *kami*. Adalah salah jika ditulis “*Kami* harus berusaha ...” dalam ayat (1), demikian

juga dalam ayat (2), *kita* tidak boleh digunakan untuk menggantikan *kami*.

Kata ganti diri kami meliputi orang atau orang-orang yang diwakili oleh pembicara, manakala *kita* pula meliputi pihak pembicara dan juga teman pembicara (Awang Sariyan, 1982). Menurut Asmah Haji Omar (1982), *kami* ialah kata diri pertama jamak yang mempunyai bentuk eksklusif (menyisihkan orang kedua), manakala *kita* pula mempunyai bentuk inklusif (memasukkan orang kedua).

Dengan demikian, dapatlah dirumuskan bahawa *kami* digunakan dalam situasi apabila yang dilawan cakap itu tidak dirujuk oleh pembicara, dan *kita* digunakan apabila pembicara memasukkan sekali orang yang dilawan cakap itu.

Seterusnya, kita meneliti pula kesalahan menggunakan kata bilangan dalam bahasa Melayu. Dalam binaan ayat bahasa Melayu, adakalanya penggunaannya memasukkan kata bilangan *satu*, walhal kata tersebut tidak diperlukan. Perhatikan beberapa contoh penggunaan *satu* dalam ayat seperti di bawah:

3. Mencuri *satu* amalan keji.
4. Data itu tidak memberi *satu* gambaran yang sebenar
5. DBP boleh mewakili kuasa atau terus menswastakan penerbitannya kepada *satu* badan lain.

Dalam ayat-ayat di atas ini, tidak perlu perkataan *satu* kerana dalam ayat-ayat tersebut, perkataan *satu* tidak membawa makna bilangan, tetapi digunakan sebagai padanan bagi artikel *a/an* dalam bahasa Inggeris. Kesalahan seumpama ini sering terjadi ketika terjemahan dibuat daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Oleh yang demikian, ayat harus dibina seperti yang berikut:

- 3a. Mencuri amalan yang keji.
- 4a. Data itu tidak memberi gambaran yang sebenar.
- 5a. DBP boleh mewakili kuasa atau terus menswastakan penerbitannya kepada badan lain.

Jelas bahawa ayat dalam bahasa Melayu boleh berdiri tanpa kata bilangan *satu* dalam ayat-ayat tersebut. Tidak perlu diterjemahkan artikel *a/an* menjadi *satu* dalam bahasa Melayu. Perlu ditegaskan di sini bahawa ayat-ayat yang dibina hendaklah mengikut acuan bahasa Melayu dan bukannya mengikut acuan bahasa lain seperti bahasa Inggeris. Pengguna tidak seharusnya terpengaruh dengan acuan binaan ayat bahasa Inggeris

ketika menulis atau bertutur dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, sila perhatikan kata bilangan jenis pecahan seperti *setengah*, *suku*, dan *dua per tiga*. Dalam persoalan ini, timbul kekeliruan dalam kalangan pengguna antara frasa seperti *satu jam setengah* dengan *satu setengah jam*.

Dalam hal menyelesaikan masalah *satu setengah jam* atau *satu jam setengah* yang merupakan frasa nama, maka unsur-unsur frasa perlulah diteliti terlebih dahulu. Binaan frasa nama lazimnya terdiri daripada satu perkataan ataupun sederetan perkataan. Dalam pada itu, lazimnya binaan frasa nama terdiri daripada bentuk inti + penerang atau inti + penerang nama.

Justeru, dalam frasa nama *satu setengah jam* atau *satu jam setengah*, hukum yang hendak dipegang ialah hukum Diterangkan-Menerangkan (DM). Menurut hukum ini, perkataan yang berdiri sebelum sesuatu perkataan atau frasa berfungsi untuk memberikan keterangan. Manakala perkataan atau frasa kedua pula berfungsi untuk menjadi penerang. Hal ini bermakna unsur inti hadir pada kedudukan pertama dan unsur menerangkan merupakan unsur penerang hadir pada kedudukan yang kedua. Contohnya, ungkapan *pejabat pos*, yang menjadi inti ialah *pejabat* manakala *pos* pula penerang. Dalam erti kata lain, *pejabat* merupakan yang diterangkan oleh *pos* dan *pos* merupakan yang menerangkan *pejabat*.

Namun demikian, dalam hal antara *satu setengah jam* dan *satu jam setengah*, terdapat kekecualian hukum DM, iaitu penerang mendahului unsur yang diterangkan. Hal ini bermakna unsur inti hadir pada kedudukan kedua, sementara unsur menerangkan yang merupakan unsur penerang hadir pada kedudukan yang pertama. Oleh itu, binaan frasa nama hendaklah terdiri daripada bentuk penerang + inti, dan bukannya inti + penerang seperti yang lazim. Tegasnya, unsur penerang mendahului unsur inti, seperti dalam ungkapan *beberapa pandangan* atau *lima ekor kambing*.

Dalam ungkapan itu, yang menjadi inti ialah *pandangan* dan *kambing* manakala *beberapa* dan *lima ekor* (iaitu kata bilangan) merupakan penerang. Demikian juga dalam ungkapan *setengah sudu gula*, intinya ialah *gula* manakala *setengah sudu* merupakan penerang. Dalam ayat "Lima ratus orang terbunuh dalam perang saudara di negara tersebut." pula, ungkapan *lima ratus* menjadi penerang manakala *orang* pula menjadi inti.

Huraian di atas menerangkan bahawa perkataan yang mendahului ungkapan atau frasa hendaklah memberikan keterangan kepada perkataan yang kemudiannya. Berdasarkan pegangan ini, penerangnya seharusnya ialah *satu setengah* dan yang diterangkan ialah frasa nama *jam*. Jadi, *satu*

setengah sebagai kata bilangan hendaklah diletakkan sebelum frasa nama *jam*. Kurang tepat jika ditulis atau disebut *satu jam setengah* kerana dalam ungkapan ini, kata bilangan *setengah* terletak selepas frasa nama *jam*. Jika dipegang pada rumus bahawa kata bilangan ialah sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah frasa nama, maka tidak tepat diletakkan *setengah* yang berfungsi sebagai penerang diletakkan sebelum frasa nama *jam*. Jadual di bawah menghuraikan hal tersebut:

Menerangkan (bilangan)	Diterangkan (inti)
satu ratus lima puluh	permohonan
dua puluh tujuh	ringgit
tiga juta empat ratus lima puluh dua	naskhah
setengah	ekar
satu per empat	saham
satu setengah	jam
dua setengah	minit

Berdasarkan huraian dan contoh yang diberikan, jelaslah bahawa ungkapan *satu jam setengah** tidak gramatis, dan oleh yang demikian, yang menjadi gramatis ialah *satu setengah jam*.

Persoalan Penggunaan Kata Kerja

Kata kerja difahami sebagai perkataan yang menunjukkan sesuatu perbuatan atau keadaan yang melakukan sesuatu (*Tatabahasa Dewan*, 1995:558). Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa banyak kata kerja yang mempunyai sinonim. Misalnya, kata kerja *mengangkat*. Kata kerja *mengangkat* membawa maksud “menggerakkan ke atas, menaikkan, meninggikan, dan membawa pergi” (*Kamus Dewan*, 1994:48).

Menurut *Tesaurus Umum Bahasa Melayu* (1990:10), terdapat 26 perkataan yang bersinonim dengan kata kerja *mengangkat*. Adakah pengguna bahasa Melayu menggunakannya dengan betul? Perhatikan beberapa contoh ayat yang dibina yang menerangkan makna *angkat*.

6. Lori itu *membawa* sampah.

7. Beberapa orang kampung *mengusung* keranda ke kubur.
8. Pelumba Grand Prix *menjulung* piala yang dimenangi.
9. Ibu segera bangkit lalu *mendukung* bayi yang menangis.

Bolehkah ayat-ayat di atas ini ditukar ganti dengan kata kerja *mengangkat*? Tentunya tidak. Setiap kata kerja dalam ayat di atas mendukung makna yang tersendiri. Misalnya, kata *mengusung* bermaksud membawa beramai-ramai atau mengangkat beramai-ramai di atas bahu. Kurang tepat jika digunakan *mengangkat* kerana dalam hal membawa keranda lazimnya dilakukan oleh tidak kurang empat orang. Justeru pengguna haruslah berhati-hati memilih sinonim yang sesuai ketika menulis atau bertutur.

Dalam pada itu, kata kerja tak transitif *datang*, *sampai* dan *tiba* dikatakan bersinonim. Persoalannya, adakah kata-kata ini boleh digunakan secara bertukar ganti dalam penulisan dan pertuturan? Perhatikan beberapa contoh pemakaian perkataan tersebut di bawah:

10. Mereka baru *sampai* di stesen kereta api Tapah.
11. Mereka baru *tiba* di stesen kereta api di Tapah.
12. *Mereka baru *datang* di stesen di Tapah.

Dalam contoh ayat di atas, nampaknya ayat (3) tidak dapat diterima sebagai ayat yang gramatis. Lazimnya *datang* digunakan untuk menunjukkan arah dari destinasi yang lain. Demikian sedikit huraian ringkas tentang makna dan penggunaan perkataan *sampai*, *tiba* dan *datang*. Walaupun kata-kata ini bersinonim, namun tidak boleh ditukar ganti secara sewenang-wenangnya.

Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa kata kerja yang ada hubung kait dengan deria penglihatan, seperti *melihat*, *memandang*, *mengamati*, *memantau*, *meneropong*, dan *menonton*. Perhatikan beberapa contoh ayat di bawah:

13. Ketika hujan turun lebat, kami *melihat* seluruh kampung itu dihanyutkan oleh arus sungai yang deras.
14. Mata sanak-saudara itu *memandang* lalu mengalirlah air mata mereka.
15. Pegawai kementerian akan mengunjungi sekolah itu untuk *memantau* perjalanan peperiksaan di sekolah itu.
16. Ibu sempat *menatap* wajah anak-anaknya sepuas-puasnya sebelum menghembuskan nafas terakhir.

17. Guru besar *menjenguk* ke dalam bilik untuk mengetahui punca keriuhan.

Bolehkah kata *deria* di atas ditukar ganti dengan perkataan yang bersinonim dengannya secara sewenang-wenangnya. Bolehkah kata *memandang* menggantikan kata *melihat*, atau bolehkah kata *menjeling* digunakan untuk menggantikan *menjenguk*? Tentunya kurang tepat penggunaan perkataan tersebut jika dilakukan sedemikian. Setiap perkataan ada nilai rasa sendiri dan menjadi tepat kalau digunakan dengan betul seperti yang didukung oleh maknanya.

Persoalan Penggunaan Kata Adjektif

Kata adjektif *gawat* merupakan kata yang amat lumrah digunakan oleh pengguna bahasa Melayu satu ketika dahulu apabila nilai mata wang ringgit merosot berbanding dengan dolar Amerika. Barangkali pengguna kita menggunakan kata *gawat* ini tanpa memahami makna perkataan tersebut atau menggunakannya dengan tidak betul. Kata *gawat* yang merupakan kata pinjaman bahasa Jawa bersinonim dengan kata *berbahaya*, *genting*, *meruncing*, *payah*, *rumit*, *sulit* dan *tegang*. Oleh sebab setiap perkataan ini ada komponen maknanya sendiri, maka tidak wajar ditukar gantinya dengan kata *gawat* secara sesuka hati dalam penulisan atau pertuturan.

Persoalan Penggunaan Kata Tugas

Akhirnya, sila perhatikan beberapa penggunaan kata tugas yang kurang tepat oleh pengguna bahasa Melayu. Oleh sebab ada banyak jenis kata tugas, maka beberapa daripadanya akan dibincangkan seperti yang berikut:

Kata Pemerih *ialah* dan *adalah*

Dua kata pemerih ini amat lumrah digunakan oleh pengguna bahasa Melayu dewasa ini. Tetapi, adakah kedua-dua kata ini bersinonim? Walaupun kedua-dua kata ini boleh digunakan untuk memerihalkan dan merangkaikan subjek dengan frasa, namun ada aturan untuk menggunakannya. Penggunaannya bukanlah secara sewenang-wenangnya. Sebenarnya, ada dua cara pemerihalan itu dapat dilakukan, iaitu secara persamaan atau secara huraian.

Untuk memerihalkan secara persamaan atau ekuatif, kata pemerih *ialah* digunakan. Perhatikan beberapa contoh penggunaan seperti di bawah:

18. Yang berbeza *ialah* bentuk dan sifatnya.
19. Bukti jelas *ialah* kita masih mempunyai program membantu rakyat yang termiskin.
20. Lokasi yang sering diberi tumpuan *ialah* kawasan perumahan, pusat perkelahan pinggir sungai dan pantai.

Dalam ayat (18) hingga (20), kata pemeris *ialah* diletakkan di hadapan frasa nama *bentuk dan sifatnya, kita, kawasan perumahan, pusat perkelahan pinggir sungai, dan pantai*. Kesemua frasa ini frasa nama; oleh hal itu, perlulah disusuli kata pemeris *ialah*.

Sekarang sila perhatikan pula beberapa contoh penggunaan kata pemeris *adalah*. Perkataan *adalah* digunakan untuk memerihalkan secara huraian atau kualitatif. Perhatikan beberapa penggunaan seperti di bawah:

21. Rumah yang dijual *adalah* terlalu kecil.
22. Tujuan projek itu *adalah* untuk mendapatkan sumber kewangan bagi persatuan itu.

Seperti yang diperhatikan dalam ayat di atas, kata pemeris *adalah* diletakkan di hadapan frasa adjektif seperti *terlalu kecil* dan frasa sendi nama *untuk mendapatkan sumber kewangan*. Dengan yang demikian, yang menjadi jelas kepada kita bahawa kata pemeris *ialah* hadir di hadapan frasa nama sahaja, manakala kata pemeris *adalah* hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama. Hal ini juga bermakna *adalah* tidak boleh hadir di hadapan frasa nama dan frasa kerja, dan demikian juga *ialah* tidak boleh diletakkan di hadapan frasa kerja atau frasa adjektif ataupun di hadapan frasa sendi nama. Walaupun sudah ada aturan penggunaan sedemikian, namun masih sering terdapat ayat-ayat yang menggunakan kata pemeris dengan salah, dan adakalanya digunakan secara tukar ganti, iaitu secara sewenang-wenangnya, seolah-olah kedua-dua kata pemeris itu bersifat sinonim.

Sekarang sila perhatikan pula beberapa contoh penggunaan kata pemeris yang tidak betul serta pembetulannya seperti dalam kurungan. Mula-mula sila lihat kekhilafan penggunaan kata pemeris *ialah*:

23. *Tujuan projek *ialah* untuk mendapatkan wang sebanyak RM4 juta. (Sepatutnya: Tujuan projek *adalah* untuk mendapatkan wang sebanyak RM4 juta).
24. Objektif DBKL membina rumah kos rendah antaranya *ialah* untuk menampung keperluan kediaman golongan berpendapatan rendah

(Sepatutnya: Objektif DBKL membina rumah kos rendah antaranya *adalah* untuk menampung keperluan kediaman golongan berpendapatan rendah).

Kini, sila perhatikan pula penggunaan kata pemerri *adalah* yang tidak tepat dalam contoh-contoh yang berikut:

25. *Peningkatan kos ini *adalah* akibat kenaikan harga bahan binaan. (Sepatutnya: Peningkatan kos ini *ialah* akibat kenaikan harga bahan binaan).
26. *Pelajar adalah aset penting negara dan bakal pemimpin pada masa hadapan. (Sepatutnya: Pelajar *ialah* aset penting negara dan bakal pemimpin pada masa hadapan).
27. *Kebanyakannya *adalah* pertubuhan dan badan-badan bukan kerajaan yang gerakannya dicetuskan oleh aktivis Barat. (Sepatutnya: Kebanyakannya *ialah* pertubuhan dan badan-badan bukan kerajaan yang gerakannya dicetuskan oleh aktivis Barat).
28. *Cadangan untuk mewujudkan program kerahan tenaga *adalah* suatu langkah yang positif. (Sepatutnya: Cadangan untuk mewujudkan program kerahan tenaga *ialah* suatu langkah yang positif).

Yang jelas, daripada contoh-contoh yang dipaparkan di atas, kelihatan masih terdapat kekhilafan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu dalam hal menggunakan kedua-dua kata pemerri ini. Seperti yang diketahui, bahasa yang baik ialah yang tertakluk kepada aturan dalam bahasa tersebut. Jika penggunaannya mengikut kelaziman, kesewenangan, dan ketidakteraturan, sudah tentunya akan menjadi kucar-kacir bahasa tersebut.

Daripada huraian di atas, jelas juga menunjukkan bahawa *adalah* dan *ialah* tidak boleh diletakkan sebelum frasa kerja. Amalan meletakkan kata pemerri di hadapan frasa kerja memang menyalahi nahu Melayu. Oleh itu, pengguna harus mengelak daripada membina ayat-ayat yang sedemikian.

Dalam hal penggunaan kata pemerri, terdapat suatu lagi amalan yang tidak betul. Amalan itu ialah penggunaannya secara lewah. Dengan erti kata yang lain, penggunaan yang tidak diperlukan, tetapi digunakan dalam penulisan. Sila perhatikan penggunaan seumpama itu di bawah:

29. *Dia *ialah* guru. (Sepatutnya: Dia guru).
30. *Masalah itu *adalah* merupakan masalah besar (Sepatutnya:

- Masalah itu merupakan masalah besar).
31. *Mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar (Sepatutnya: Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar).
 32. *Tindakan yang berterusan *adalah* perlu bagi menutup semua gejala maksiat. (Sepatutnya: Tindakan yang berterusan perlu bagi menutup semua gejala maksiat).
 33. *Persembahan penyanyi itu *adalah* sungguh hebat. (Sepatutnya: Persembahan penyanyi itu sungguh hebat).

Seperti yang dipaparkan dalam contoh-contoh di atas, penggunaan *adalah* dan *ialah* tidak diperlukan atau tidak wajib digunakan dalam ayat-ayat di atas. Dalam ayat (34) misalnya, sudah memadai jika ayat tersebut dibina dengan dua frasa, iaitu “persembahan penyanyi itu” + “sungguh hebat” kerana ayat ini dibina berdasarkan pola FN + FA. Ayat ini tidak memerlukan kata pemerii *adalah* untuk memerihalkan secara persamaan atau ekuatif dalam frasa tersebut.

Dalam ayat ini, *persembahan penyanyi itu* ialah *frasa* nama, manakala frasa adjektifnya adalah *sungguh hebat*. Ada juga pengguna yang berasa janggal jika ayat tidak ada kopula. Nyata pandangan mereka itu tidak tepat kerana bahasa tidak tertakluk kepada rasa janggal atau rasa sedap atau tidak sedap. Rasa janggal dan tidak sedap itu timbul kerana pengguna belum biasa dengan empat pola ayat dalam bahasa Melayu.

Mungkin gejala tersebut terjadi kerana pengaruh bahasa Inggeris. Oleh sebab wujud kata *gerund* seperti *am, is, are, was, dan were* dalam semua ayat bahasa Inggeris, maka pengguna bahasa Melayu pula mencuba memadankan kata-kata itu dengan kata *pemerii* dan *adalah*. Sebenarnya, amalan dalam bahasa Melayu ini tidak tepat. Kata pemerii dalam bahasa Melayu digunakan untuk memenuhi fungsi-fungsi yang tertentu seperti yang dinyatakan pada awal bahagian ini. Tidak wajar untuk memasukkan unsur yang tidak menjadi milik bahasa Melayu ke dalamnya. Dalam hal ini, penggunaannya hendaklah berdasarkan aturan, dan oleh itu tidak boleh ditukar ganti secara sewenang-wenangnya kerana kedua-dua kata ini bukanlah sinonim.

Penggunaan Kata Penegas

Kata *cuma, hanya, dan sahaja* berperanan sebagai penegas dalam ayat bahasa Melayu. Dari segi maknanya, ketiga-tiga kata ini mempunyai makna yang sama dan berkongsi komponen makna yang sama, yakni bersinonim.

Hal ini tidak difahami oleh pengguna dan dengan demikian dibina ayat seperti yang berikut:

34. Jawab dua soalan *sahaja*.
35. *Hanya* pesakit *sahaja* dibenarkan masuk.
36. Dia *cuma* mahu menziarahi adiknya *sahaja*.
37. Salji *hanya* turun pada musim sejuk *sahaja*.

Memang ayat-ayat seumpama ini kerap dibina oleh pengguna bahasa Melayu. Namun, apakah penggunaannya betul dan menepati hukum-hukum bahasa, khususnya dari sudut makna?

Dalam ayat (35), jawab dua soalan *sahaja* tidak tepat kerana *sahaja* hanya digunakan untuk menyatakan makna tunggal. Oleh yang demikian itu, memadai jika digunakan "Jawab dua soalan". Perkataan *sahaja* boleh digunakan dalam ayat yang membawa makna tunggal seperti "Jawab satu soalan *sahaja*". Demikian juga dalam ayat lain, *hanya* dan *sahaja* digunakan dalam ayat yang sama. Sebenarnya, amalan seumpama ini tidak diperlukan kerana kedua-dua kata mempunyai makna yang sama. Menggunakan kedua-dua kata yang sama memperlihatkan amalan kelewahan, iaitu memberikan makna berlebihan bagi sesuatu perkataan.

Penggunaan Kata Nafi *bukan* dan *tidak*

Dalam bahasa Melayu, terdapat dua bentuk kata nafi, iaitu *bukan* dan *tidak*. Kata nafi digunakan dalam ayat sebagai unsur nafi bagi frasa yang terdapat dalam konstituen predikat. Walaupun kedua-dua kata ini digunakan untuk tujuan menafikan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi yang menyusulinya dalam ayat, namun hal ini tidak bermakna kedua-dua ayat tidak boleh ditukargantikan dalam ayat yang ditulis dan diucapkan. Perhatikan beberapa penggunaan kata nafi yang tidak tepat dalam ayat yang berikut:

38. *Naveen *tidak* guru.
39. *Saya *tidak* ke Pulau Pinang.
40. *Johan *bukan* bergiat cergas lagi dalam sukan.
41. *Kami *bukan* sebijak kamu.

Ayat-ayat di atas perlu diperbetul supaya menjadi seperti yang berikut:

- 39a. Naveen *bukan* guru
- 40a. Saya *bukan* ke Pulau Pinang
- 41a. Johan *tidak* bergiat cergas lagi dalam sukan.

42a. Kami *tidak* sebijak guru.

Seperti yang ditunjukkan dalam contoh di atas, kata nafi bukan digunakan sebelum FK dan FA, manakala kata nafi *tidak* tidak diletakkan sebelum FN dan FS.

Penggunaan Kata Bantu Ragam *boleh* dan *dapat*

Kata bantu ragam, menurut *Tatabahasa Dewan* (1994:246), ialah bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan. Kalau diteliti makna perkataan *boleh* dan *dapat*, tentu ada perbezaan maknanya. Justeru tidak wajar atau kurang tepat jika kedua-duanya digunakan secara saling berganti dalam pertuturan atau penulisan.

Misalnya, apabila seseorang diizinkan untuk mengambil cuti rehat, dia dikatakan *boleh* berehat selama sehari. Jika seseorang berjaya masuk ke universiti tempatan, dia dikatakan sudah *dapat* melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Demikian juga dalam ayat "Murid-murid *dapat* nasihat yang diberikan oleh guru besar mereka", perkataan *dapat* membawa maksud faham.

Kelihatan sekarang penggunaan kata *dapat* dan *boleh* yang agak kurang teratur dan penggunaannya agak sembarangan. Jika diteliti makna kedua-dua kata ini, didapati bahawa komponen makna kata *dapat* lebih banyak berbanding dengan kata *boleh*. Seterusnya, perhatikan beberapa ayat yang menunjukkan penggunaan yang betul dan tepat di bawah:

42. Oleh sebab uzur, pelajar itu *boleh* berehat di rumahnya.
43. Mereka *boleh* balik kerana sudah menyelesaikan kerja mereka.
44. Hanya pelajar dan kakitangan UMS *boleh* keluar masuk kampus tersebut.
45. Shameena amat gembira kerana *dapat* melanjutkan pelajaran ke universiti.
46. Pasukan Sabah *dapat* menewaskan pasukan Johor dalam perlawanan akhir.
47. Mahendran dan Mohandas diberi ganjaran kerana *dapat* menawan Gunung Everest.

Contoh-contoh yang di atas menjelaskan bahawa kata *dapat* dan *boleh* tidak boleh bertukar ganti secara sewenang-wenangnya kerana kedua-duanya bukan sinonim. Masing-masing ada makna yang tertentu.

Penggunaan Kata Sendi *dari* dan *daripada*

Dari dan *daripada* merupakan kata sendi yang digunakan secara meluas oleh pengguna bahasa Melayu, sama ada dalam pertuturan atau dalam tulisan. Oleh sebab kekhilafan tentang penggunaan kedua-dua kata sendi ini, pengguna beranggapan bahawa kedua-dua kata ini boleh ditukar ganti secara sembarangan. Perhatikan beberapa ayat yang tidak betul dari segi penggunaan *dari* dan *daripada* di bawah.

48. Orang-orang kampung itu datang *daripada* daerah pedalaman.
49. Kuih itu dibuat *dari* tepung beras.
50. Surat itu saya terima *dari* ayah saya.
51. *Daripada* pukul 4.00 petang hingga malam, bekalan elektrik akan tergendala di beberapa kawasan di Likas.

Nyata di sini, penggunaan kata sendi dalam contoh di atas tidak tepat. Kata sendi *dari*, menurut *Tatabahasa Dewan* (1994), digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat atau waktu ataupun masa, manakala *daripada* digunakan untuk menyatakan punca bagi manusia, atau benda termasuk unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda dan perbezaan atau perbandingan.

Oleh yang demikian, ayat dalam contoh di atas harus diperbetul menjadi seperti yang berikut:

- 49a. Orang-orang kampung itu datang *dari* daerah pedalaman.
- 50a. Kuih itu dibuat *daripada* tepung beras.
- 51a. Surat itu datang *daripada* ayah saya.
- 52a. *Dari* pukul 4.00 petang hingga 8.00 malam, bekalan elektrik akan tergendala di beberapa kawasan di Likas.

Dalam ayat (49a), kata sendi *dari* tepat digunakan kerana frasa nama daerah pedalaman menandakan tempat atau kawasan. Oleh hal yang demikian, kata *daripada* tidak tepat digunakan kerana kata ini menyatakan sumber atau asal sesuatu benda. *Daripada* dalam ayat (51a) itu tepat kerana kata ini membawa maksud punca, manakala dalam ayat (52a) kata *dari* itu betul kerana kata ini menandakan waktu.

Penggunaan Kata Sendi Nama

Perkataan *kepada* dan *pada* adalah antara sekian banyak kata sendi nama yang digunakan secara meluas oleh pengguna bahasa Melayu. Kedua-dua

kata ini lazimnya diletakkan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyampaikan beberapa maksud yang tertentu. Oleh sebab kedua-dua perkataan ada fungsi dan makna yang berbeza, maka kedua-dua perkataan tidak boleh dianggap sebagai sinonim.

Didapati ramai pengguna keliru tentang penggunaan perkataan *kepada* dan *pada* dalam bahasa Melayu. Umpamanya, masih terdapat ayat-ayat yang dibina oleh pengguna seperti yang berikut:

52. Tolong sampaikan salam *pada* Maimon.
53. Belakangan ini masa Pak Ali banyak diberikan *pada* masjid.
54. Matanya terjunam *pada* muka saya.

Nyata ayat-ayat di atas tidak tepat penggunaan kata sendi *pada* dan oleh itu, wajarlah ayat tersebut diperbetul menjadi seperti yang berikut:

- 53a. Tolong sampaikan salam *kepada* Maimon.
- 54a. Belakangan ini masa Pak Ali banyak diberikan *kepada* masjid.
- 55a. Matanya terjunam *kepada* muka saya.

Menurut *Tatabahasa Dewan* (1994:259), kata *kepada* digunakan untuk menyatakan sasaran yang merujuk kepada manusia, haiwan, dan unsur mujarad, menyatakan pecahan dan menyatakan perubahan keadaan. Sementara itu, kata *pada* selalunya digunakan untuk menunjukkan keterangan waktu dan tempat, serta digunakan dalam ungkapan ada + pada (manusia dan haiwan). Tegasnya, kata *pada* digunakan untuk menunjukkan keterangan waktu, disusuli kata yang merujuk kepada manusia dan haiwan, dan digunakan di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja.

Justeru contoh ayat di atas menjelaskan fungsi serta makna yang didukung oleh kedua-dua perkataan ini supaya kekeliruan tentang penggunaan kata *kepada* dan *pada* dapat dielakkan.

Penggunaan Kata Hubung

Kata hubung *dan*, *serta* dan *lalu* amat kerap digunakan oleh pengguna bahasa Melayu. Adakah ketiga-tiga kata ini dianggap sebagai sinonim? Untuk menjawab persoalan ini, sila perhatikan beberapa contoh ayat di bawah.

56. Saya *dan* adik saya akan menghadiri pertemuan itu.
57. Shameen bangun *lalu* masuk ke dalam bilik air.
58. Ibu membeli sayur-sayuran, daging ayam, barang-barang runcit

- serta* buah-buahan untuk jamuan malam ini.
59. Ayah membaca surat khabar *dan* ibu pula membaca majalah *Femina*.
 60. Penceramah itu naik ke pentas *lalu* membentangkan kertas kerjanya yang cukup bernas itu.
 61. Puan Lekshmi sentiasa menyediakan makanan lazat *serta* memperkenalkan resipi-resipi baharu kepada pelanggannya.

Kelihatan dalam contoh di atas, penggunaan kata hubung *dan*, *serta* dan *lalu* tepat kerana mendukung makna yang tepat. Apakah ayat ini masih akan menjadi tepat jika ketiga-tiga perkataan itu ditukar ganti dalam ayat-ayat di atas? Misalnya, tepatkah makna dalam ayat (56), jika dalam ayat tersebut digabungkan dengan kata hubung *lalu* atau *serta*? Jika dibina sedemikian, ayat-ayat tersebut akan berbunyi seperti yang berikut:

- 56a. *Saya *lalu* adik saya akan menghadiri pertemuan itu.
- 56b. Saya *serta* adik saya akan menghadiri pertemuan itu.

Kelihatan bahawa ayat (56a) tidak gramatis kerana maknanya tidak tepat, manakala ayat (56b) boleh diterima kerana kelihatan gramatis. Dalam ayat (56a) *lalu* tidak tepat kerana kata hubung tidak dapat menyambung dua ayat yang bersifat setara dalam ayat (56a). Kesimpulannya, kata gabung *serta* boleh digunakan secara tukar ganti dalam ayat tersebut untuk menggantikan kata *dan*. Tetapi, kata gabung *lalu* tidak boleh digunakan.

Perhatikan bagaimana pula bunyinya beberapa ayat yang lain jika ayat-ayat itu ditukar ganti dengan kata hubung yang lain.

- 57a. Shameen bangun *dan* masuk ke dalam bilik air.
- 58a. *Ibu membeli sayur-sayuran, daging ayam, barang-barang runcit *lalu* buah-buahan untuk jamuan malam ini.
- 59a. *Ayah membaca surat khabar *serta* ibu pula membaca majalah *Femina*.
- 60a. Penceramah itu naik ke pentas *dan* membentangkan kertas kerjanya yang cukup bernas itu.
- 61a. *Puan Lekshmi sentiasa menyediakan makanan lazat *lalu* memperkenalkan resipi-resipi baharu kepada pelanggannya

Jelas bahawa bukan semua ayat itu tepat maknanya jika ditukar ganti dengan kata hubung lain. Hal ini menjelaskan bahawa bukan semua ayat

yang mengandungi kata hubung *dan*, *serta* dan *lalu* boleh ditukar ganti secara selesa. Walaupun fungsi ketiga-tiga perkataan itu adalah untuk menyambung dua ayat atau frasa yang bersifat setara, namun tidak boleh ditukar ganti secara sewenang-wenangnya. Setiap kata hubung itu perlu digunakan secara cermat supaya tepat mendukung makna yang betul.

Demikianlah beberapa penelitian terhadap beberapa penggunaan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas, kata bantu ragam, kata hubung, dan kata sendi yang menunjukkan kesalahan penggunaan kerana kekhilafan tentang hal sinonim.

KESIMPULAN

Akhir kata, oleh sebab semua maklumat makna amat penting dalam bahasa, maka hal ini harus diberikan perhatian oleh pengguna bahasa. Jika aspek makna tidak diambil kira dalam binaan atau ujaran ayat, sudah tentu ayat-ayat yang diujarkan atau dibina akan menjadi taksa atau tidak betul. Oleh hal yang demikian, binaan atau ujaran ayat seperti itu seharusnya dielakkan oleh pengguna bahasa Melayu, memandangkan ayat tersebut tidak betul dari segi makna, walaupun memenuhi aturan tatabahasa.

RUJUKAN

- Asraf, 1993. *Revisi Lengkap PMR Tatabahasa Bahasa Melayu KBSM*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman, 1985. *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 1996. *Warna dan Suasana: Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, David, 1995. *The Cambridge Encyclopedia of the English Language*, Cambridge University Press: United Kingdom.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, 1995. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris Melayu Dewan*, 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan, 2001. *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan, 2004. *Kata Bersinonim dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

S. NATHESAN

Nik Safiah Karim *et al.*, 1994. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tesaurus Umum Bahasa Melayu, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Za'ba, 1957. *Pelita Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.